



SHAHZADA Khan Nawab Khan bersama isteri, Elliyin Yasif (gambar kiri) dan Muhamad Nazeri Tumiry (kiri) bersama kembaranya, Muhamad Sani Tumiry menunjukkan pingat Anugerah Naib Canselor yang mereka terima di UTHM, Batu Pahat, semalam.

## Bekas Presiden MPP rangkul Anugerah Diraja

BATU PAHAT 2 Nov. - Berkahwin pada usia muda apatah lagi masih bergelar pelajar, tidak menghalang anak permandu lori, Shahzada Khan Nawab Khan, 24, merangkul Anugerah Diraja sempena majlis Konvokesyen Ke-12 Universiti Tun Hussian Onn Malaysia (UTHM).

Shahzada Khan yang juga penerima Anugerah Naib Canselor berjaya, dia berkahwin pada tahun lalu iaitu ketika menuntut di tahun ketiga pengajian Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal sementara isterinya, Elliyin Yasif, 24, merupakan penuntut tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Seni Bina Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di Johor Bahru.

"Perkenalan kami bermula sejak menghadiri kem biasiswa

Yayasan Tunku Abdul Rahman. Sebahagian wang biasiswa itu juga saya gunakan untuk berkahwin dan saya bersyukur kerana isteri banyak memberi dorongan," katanya tersenyum.

Seramai 203 mahasiswa yang memperoleh keputusan cemerlang dengan purata nilai gred kumulatif (PNGK) 3.5 ke atas menerima Anugerah Naib Canselor dari Naib Canselor UTHM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin di sini hari ini.

Mereka merupakan sebahagian daripada 2,775 mahasiswa yang bakal menerima diploma dan ijazah masing-masing pada majlis Konvokesyen Ke-12 UTHM selama dua hari bermula esok.

Shahzada Khan yang memper-

oleh PNGK 3.89 merupakan bekas Presiden Majlis Perwakilan Pelajar UTHM.

Di bukan sahaja menunjukkan kecermerlangan dalam akademik malah mempunyai minat terhadap pengembalaan yang telah membawanya melawat 11 buah negara.

Menurutnya, mempunyai impian besar dan kegairahan memenuhi impian itu menjadi rahsia kejayaannya selain dorongan ibu bapa.

"Setiap semester saya sasarkan untuk dapat purata nilai gred semester (PNGS) 4.0 tetapi tidak berjaya. Pun begitu, sasaran hampir mengena kerana ada impian dan usaha ke arah itu."

"Menuntut ilmu ketika bergelar suami juga tidak sesukar seperti

dibayangkan malah sokongan istri menjadi inspirasi untuk lebih berjaya," katanya yang kini mengusahakan perniagaan dalam talian dan berhasrat melibatkan diri pula dalam bidang hartanah.

Turut menarik perhatian ialah kejayaan pelajar kembar, Muhamad Nazeri Tumiry dan Muhamad Sani Tumiry, 27, yang masing-masing memperoleh PNGK 3.50 dan 3.53.

Muhamad Nazeri dan adiknya, Muhamad Sani merupakan pelajar dalam bidang Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal.

"Ketika kecil, kami selalu bergaduh dan bersaing tetapi seiring dengan peningkatan usia, kami belajar bersama dan saling membantu," kata Muhamad Nazeri.